

Pelaksanaan sepenuhnya tahun ini

B4. 17/1/2019, ms. 4

→ Kejayaan pengurusan di Labuan jadi panduan: Xavier

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@NSTP.com.my

Kuala Lumpur

Penggabungan bil bekalan air dengan bil pembetungan yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya tahun ini.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar, berkata perbincangan sedang dilakukan di antara Suruhanjaya Per-

khidmatan Air Negara (SPAN), IWK dan kerajaan negeri mengenai mekanisme untuk melaksanakan penggabungan bil itu.

Katanya, kejayaan penggabungan bil air dan IWK di Labuan dijadikan panduan dalam pelaksanaannya di seluruh negara.

Hasil kutipan meningkat

“Selepas penggabungan bil air dan IWK di Labuan dilaksanakan, kita mendapati terdapat peningkatan dalam hasil kutipan kedua-dua bil itu sehingga 94 peratus.

“Ini menunjukkan penggabungan kedua-dua bil itu tidak membulkan masalah kepada pengguna, walaupun kita ada menerima maklum balas negatif mengenai perkara ini,” katanya pada sidang media Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan IWK di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman.

September tahun lalu, Xavier dilaporkan berkata, penggabungan bil air bersama pembetungan mungkin dilaksanakan di Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, susulan kejayaan di Labuan dua tahun lalu.

Sejak 1994, IWK mengambil alih



Xavier Jayakumar

perkhidmatan pembetungan daripada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Mengulas lanjut, Xavier berkata, penggabungan bil itu dicadangkan bagi meningkatkan jumlah kutipan bil daripada pengguna, supaya IWK dapat mengurangkan kebergantungan dana daripada kerajaan untuk menyelenggara sistem pembetungan dan merawat air kumbahan.

“Walaupun ketika ini kutipan bil IWK ketika ini mencecah sehingga 93 peratus, namun ia masih belum cukup untuk mereka melakukan tugas menyelenggara sistem pembetungan.

“Ketika ini, kerajaan memberi subsidi sebanyak RM150 juta setahun kepada IWK, namun kita tidak boleh berterusan memberikan dana sebesar ini dan mestinya berusaha menyelesaikan isu ini.

“Penggabungan bil ini saya cadangkan supaya orang ramai faham ini adalah satu tanggungjawab rakyat Malaysia untuk bersama-sama memastikan sumber air kekal terpelihara,” katanya.

FRIM, IWK jalin kerjasama

Terdahulu, Xavier menyaksikan MoU antara FRIM yang diwakili Abd Latif, manakala Faizal mewakili IWK, bagi mengadakan kerjasama dalam aplikasi penggunaan sisa kumbahan terawat iaitu biopepejal, bagi penghasilan bahan tanaman berkualiti serta perlادangan hutan.

Biopepejal itu digunakan sebagai bahan bagi memperbaiki keadaan tanah serta meningkatkan tumbuhan besar tumbuhan bukan makanan seperti pokok hutan.

Xavier berkata, biopepejal dihasilkan IWK boleh digunakan untuk program penanaman semula hutan, ladang getah dan pokok yang ditanam PBT.